

21/11/2008 (Jumaat)

Sabah & Sarawak: Sarawak tanam sejuta hektar hutan



LEN LATIF menyirami anak pokok belian sebagai simbolik perasmian bengkel kerja Penubuhan Kebun Biji Benih dan Pemilihan Pokok Induk Baik di Pusat Penamaan Semenggoh Padawan, semalam.

KUCHING: Sarawak mensasarkan sejumlah 1 juta hektar kawasan hutan akan ditanam semula menjelang 2020 bagi memenuhi permintaan yang terus meningkat di dalam pasaran kayu antarabangsa sekali gus menjamin kedudukannya di negara ini. Pengarah Jabatan Perhutanan Sarawak (JPS), Datuk Len Talif Salleh, berkata perladangan hutan adalah elemen penting dalam pelan pembangunan strategik bagi pengurusan mapan sumber hutan terutama spesis eksotik yang terdapat di negara ini. Katanya, Kerajaan Negeri akan cuba menjadikan Sarawak sebagai kawasan perladangan perhutanan terbesar di Malaysia seiring dengan keluasan Sarawak sebagai negeri terbesar selain mengurangkan kebergantungan terhadap hutan semula jadinya.

"Sarawak mempunyai keluasan hutan kira-kira 12.4 juta hektar dan daripada jumlah itu 7 juta hektar diletakkan di bawah pengurusan JPS bagi tujuan perladangan perhutanan serta pembinaan taman negara. "Seluas 90,000 hektar kawasan hutan sudah diusahakan dengan projek tanaman semula bagi kegunaan industri pulpa dan kertas serta pemprosesan kayu," katanya ketika berucap merasmikan Bengkel Kerja Penubuhan Kebun Biji Benih dan Pemilihan Pokok Induk Terbaik di Bank Benih Pokok Hutan Sarawak Semenggoh di sini, semalam.

Bengkel dua hari bermula semalam itu turut membincangkan topik meliputi Pengenalan Kepada Pembangunan Perladangan Hutan Di Sarawak, Status Penyelidikan dan Pembangunan Spesis Tempatan di Sarawak dan lain-lain lagi. Len Talif berkata, peranan perladangan perhutanan penting di dalam memenuhi permintaan yang bertambah bagi penghasilan produk

perkayuan disebabkan itu aktiviti perluasan hutan perlu ditingkatkan lagi. Katanya, Perbadanan Hutan Sarawak (PHS) sentiasa berusaha mengeluarkan biji benih bermutu termasuk penubuhan 11 kawasan pengeluaran di seluruh negeri ini bagi mempergiatkan usaha mendapatkan spesis yang berpotensi bagi tujuan perladangan.

22/11/2008 (Sabtu)

Timur: RM93.3j untuk projek tebatan banjir RMK-9

KERAJAAN Negeri menerima peruntukan sejumlah RM93.3 juta daripada Kerajaan Pusat bagi mengatasi masalah banjir melalui Projek Tebatan Banjir (RTB) di negeri ini yang diluluskan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata sebahagian projek termasuk RTB Raub dan Kuantan sudah disiapkan dan dalam pelaksanaan manakala projek RTB Pekan, Rompin, Jerantut, Temerloh dan Bentong dijangka dimulakan pada 2009 dan 2010. Beliau berkata, sebagai langkah persiapan menghadapi banjir tahun ini, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri dan daerah sudah mengadakan mesyuarat bagi meneliti kelengkapan dan penempatan logistik.

"Semua agensi yang terbabit sudah diarahkan mengemaskini manual operasi yang disediakan manakala Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diarah mengenal pasti kawasan berisiko tinggi bagi mengurangkan kesan bencana. "JPS akan memastikan semua projek tebatan bajir dan pembaikan sungai dan laluan air berjalan dengan baik termasuk membersihkan semua laluan air di kawasan dianggap 'grey area'," katanya menjawab soalan Leong Ngah Ngah (DAP-Triang).

Adnan berkata, beberapa langkah penambahbaikan sudah dan sedang diambil dalam melaksanakan pengurusan dan bantuan bencana termasuk meminta pejabat daerah mengenalpasti bangunan yang sesuai dijadikan depot simpanan bekalan makanan. "Selain itu, penghantaran bekalan sudah dimulakan Oktober lalu malah pengkalan hadapan turut ditambah bagi meningkatkan keupayaan bekalan makanan.

"JKR juga sudah diarahkan untuk meninggikan aras jalan yang dikenalpasti mudah ditenggelami air serta meminta Tenaga Nasional Berhad mengkaji untuk memindahkan pencawang yang ditenggelami air pada banjir lalu untuk dibina di kawasan bebas banjir," katanya.

22/11/2008 (Sabtu)

Johor: Peneroka minta Felda pulangkan wang tabung

KOTA TINGGI: Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) Johor memohon Felda segera memulangkan semula wang simpanan tabung tanam semula berjumlah RM17,000 kepada peneroka yang menanam semula tanpa melalui Felda.

Naib Pengurusnya, Sulaiman Yacob, berkata pihaknya akur dengan syarat Felda yang bersetuju membayar sebanyak dua kali dengan bayaran pertama RM850 bagi 0.4 hektar atau RM8,500 bagi empat hektar bagi kerja penanam semula. Katanya, baki RM8,500 lagi akan dibayar melalui pembelian bahan input pertanian seperti baja, racun rumpai dan peralatan pertanian yang pembeliannya akan diuruskan oleh Pengurus Felda terbabit melalui permohonan peneroka. "Wang berkenaan diperlukan bagi menampung kos pembangunan terutama bagi peneroka yang baru menanam semula untuk membeli anak benih sawit dan input pertanian sehingga kebun mereka mengeluarkan hasil," katanya.

Sulaiman berkata, pihaknya mengakui ada sebahagian peneroka sudah menerima bayaran pertama selepas pelbagai usaha dijalankan namun baki wang melalui input pertanian gagal dilaksanakan oleh Felda.

24/11/2008 (Isnin)

Utara: Sikap tak peka kegiatan jejas alam sekitar dikesali

Oleh Nurhayati Abllah bhnews@bharian.com.my

IPOH: Persatuan Alam Sekitar Perak kesal kerana kerajaan negeri tidak mengendahkan kerja pemusnahan hutan simpan kekal Pondok Tanjung seluas 1,063 hektar di Batu Kurau yang dilakukan oleh kontraktor pembalakan. Pengurusnya, Abdul Rahman Said Alli, berkata beberapa agensi kerajaan Perak juga berdolak-dalik ketika Persatuan Alam Sekitar Perak ingin mendapat salinan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi pembalakan paya gambut itu. Beliau berkata, projek kontroversi itu menyebabkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Taiping mengarahkan Jabatan Veterinar menghentikan kerja tanah di kawasan itu sehingga Jabatan Veterinar mengemukakan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP). Katanya, EMP meliputi aspek perancangan laluan air larian permukaan, lokasi kolam perangkap mendap, bilangan lokasi kolam takungan dan cadangan pemulihan permukaan tanah.

"Pada 30 Julai lalu, kami meminta penjelasan daripada JAS Perak sama ada kontraktor pembalakan mempunyai kelulusan dari segi EIA sebelum memulakan Projek Agro-Lancong Info-Ternak Pondok Tanjung di Batu Kurau. "Jawapan yang diterima daripada JAS Perak ialah Laporan EIA hanya dikemuka dan diluluskan oleh Jabatan Perhutanan Perak yang mengawal semua kegiatan pembalakan. "Penjelasan daripada Jabatan Perhutanan Perak pula menyatakan kawasan hutan simpan yang sudah dimansuhkan dan ditukar kepada guna tanah lain, bukan di

bawah bidang kuasa jabatan itu. Jabatan Perhutanan Perak hanya mengutip hasil atau cukai saja. "Kegiatan pembalakan di kawasan seluas 1,063. hektar di Pondok Tanjung itu jelas menunjukkan kegiatan pembalakan haram yang sengaja dirancang pihak yang ingin mengaut keuntungan segera. "Persatuan Alam Sekitar Perak mengesyaki projek penternakan kambing Boer itu hanya sebagai alasan untuk mengaburi pihak berkuasa kerana papan tanda projek itu sudah hilang sebaik saja kerja pembalakan selesai," katanya kepada pemberita, di sini, baru-baru ini.

Abdul Rahman berkata, Persatuan Alam Sekitar Perak juga membuat aduan kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) Perak dan mereka menyatakan pengambilan kayu balak di Pondok Tanjung mendapat lesen memindah kayu dari Jabatan Perhutanan Perak, tetapi bukan lesen pembalakan. Katanya, BPA juga memaklumkan Jabatan Veterinar akan mengambil alih kerja pembajakan dan penanaman rumput, sementara kerja pembersihan tapak dijalankan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Beliau berkata, kerajaan Perak sepatutnya peka dengan isu berkenaan mengambil semula kawasan hutan berkenaan dengan menghentikan projek pembiakan kambing Boer yang tidak menguntungkan masyarakat setempat. "Masih banyak tanah kosong di Perak yang boleh diusahakan tanpa memusnahkan kawasan hutan simpan demi kepentingan alam pada masa akan datang. "Kegiatan itu menunjukkan satu penipuan yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

24/11/2008 (Isnin)

Utara: MPPP arah baiki padang rosak

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi bhnews@bharian.com.my

GEORGETOWN: Penganjur Kejohanan Raja Tenis diberi tempoh 14 hari bagi membaik pulih Padang Kota Lama di sini, yang rosak berikutan pembinaan gelanggang tenis di atas padang berkenaan. Surat Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bertarikh 14 November lalu memaklumkan penganjur perlu membaikpulih padang itu mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Pengarah Kejuruteraan Majlis.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Alam Sekitar negeri, Chow Kon Yeow, berkata jika penganjur gagal membaik pulih padang itu, MPPP akan melaksanakannya. "Jika penganjur gagal berbuat demikian, tindakan akan diambil oleh MPPP untuk menjalankan semua kerja tanpa merujuk lagi kepada penganjur dan segala perbelanjaan serta kos akan ditanggung oleh penganjur," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Padang itu dijadualkan menjadi tempat Kejohanan Raja Tenis minggu lalu tetapi dibatalkan atas sebab yang masih kabur termasuk dakwaan penganjur gagal membuat pembayaran terhadap pemain. Mengikut perancangan awal, kejohanan itu akan dihadiri bekas pemain tenis terbaik dunia dari benua Amerika dan Eropah yang bakal menyaksikan pertembungan Raja Tenis. Kejohanan yang dianggarkan membabitkan kos USD5 juta (RM17.5 juta) dijadual menampilkan

bekas pemain ternama dunia seperti Ilie Nastase, Bjorn Borg, Stefan Edberg dan Mats Wilander bagi pasukan Eropah.

Chow berkata, MPPP menyenarai pelbagai kerja yang perlu dilakukan oleh penganjur sebelum membaik pulih padang berkenaan. Kerja itu adalah mengeluar dan memunggah pentas, khemah, bangku bertingkat sementara dan struktur dalaman lain; mengorek tapak gelanggang tenis, membersihkannya dan menutup semula dengan tanah dan rumput. Memastikan permukaan padang dibaikpulih seperti sedia kala serta mengeluarkan struktur lampu limpah dan membersihkan padang. "Untuk mengelak paip bawah tanah rosak, semua kerja itu akan dijalankan dengan kawalan Pengarah Kejuruteraan MPPP atau pegawai daripada Jabatan Kejuruteraan MPPP," katanya.

Sementara itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC), memulakan inkir semalam untuk menyiasat pembatalan kejohanan itu dan implikasi kewangan kepada MPPP. Inkiri tertutup itu dipengerusikan oleh Pengurusnya, Jagdeep Sing Deo. Difahamkan beberapa saksi dipanggil untuk memberi keterangan. Sebelum ini, Jagdeep dilaporkan berkata, PAC mahu mendapatkan penjelasan mengenai perkara itu bagi membolehkan tindakan susulan diambil.

24/11/2008 (Isnin)

Selatan: Masalah penanam nanas tanpa geran diatasi segera

Oleh Mohd Roji Abdullah mdroji@bharian.com.my



Aziz ditemani Mat Hassan (kiri) bersama melawat sebuah kebun nanas di Simpang Renggam, semalam.

KLUANG: Kerajaan negeri memberi jaminan akan membantu 111 pemilik tanah di Kampung Parit Ghani, Simpang Renggam, untuk mendapat geran bagi tanah yang diusahakan dengan tanaman nanas dan kelapa sawit, sejak kira-kira 40 tahun lalu. Pemilik tanah di kampung itu sudah membuat permohonan untuk mendapatkan geran tanah berkenaan sejak hampir 30 tahun lalu, namun sehingga kini masalah itu belum dapat diselesaikan Pejabat Tanah Daerah Kluang. Berikutan ketiadaan geran, pemilik tanah tidak dapat menerima sebarang bantuan daripada Jabatan Pertanian, khususnya bantuan baja dan benih. Mereka juga gagal menikmati bantuan RM2,400 sehektar bagi penanam nanas yang disediakan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), selagi tidak memiliki geran tanah yang mereka usahakan itu.

Justeru, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Aziz Kaprawi, berkata kerajaan negeri berusaha untuk menyelesaikan masalah pemilikan geran tanah itu secepat mungkin bagi memastikan pekebun atau pemilik tanah terbabit tidak tercicir menerima bantuan yang disediakan. Katanya, kerajaan negeri berhasrat membuka lebih banyak kawasan pertanian khususnya penanaman nanas, namun ia sukar dicapai jika masalah pemilikan tanah masih gagal diatasi. "Selagi tidak memiliki geran, pemilik tanah itu tidak layak menerima bantuan kerajaan dan ini akan membantutkan usaha kita membantu masyarakat pekebun terutama yang terbabit dalam penanaman nanas. "Kami berusaha membantu menyelesaikan masalah ini kerana apabila pemilik tanah memiliki geran yang sah, mereka boleh melaksanakan aktiviti pertanian yang lebih besar bukan sekadar sara diri, sekali gus membantu mencapai perancangan kerajaan meningkatkan sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja ke Kampung Parit Ghani, Simpang Renggam, di sini, baru-baru ini. Hadir sama, Ketua Pengarah LPNM, Mat Hassan Othman. Aziz berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan Pejabat Tanah Daerah Kluang untuk membincangkan masalah geran tanah itu.

24/11/2008 (Isnin)

Selatan: Bio Desaru mampu tarik pelabur

Oleh Amad Bahri Mardi bhnews@bharian.com.my

KOTA TINGGI: Kawasan Lembah Makanan Organik atau dikenali sebagai Bio Desaru di atas tanah seluas 3,600 hektar berhampiran Desaru menjadi satu lagi pusat pengeluaran makanan berskala besar negara yang mampu menarik pelaburan ke peringkat antarabangsa.

Kawasan yang dibangunkan oleh Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Johor (J-Biotech), itu memberi fokus kepada pembangunan pertanian bersepadu dengan konsep pengeluaran makanan organik. Konsep pengeluaran bertujuan mempromosi Johor sebagai pengeluar makanan organik unggul itu bermula daripada benih bermutu, penanaman dan ternakan berteknologi tinggi, pemprosesan bersistematik dan pemasaran berkualiti.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata dalam tempoh dua tahun ini, kerajaan negeri berjaya menarik 15 pelabur daripada pelbagai bidang dan akan bersama-sama menjayakan konsep penanaman itu dengan anggaran pelaburan RM1.5 billion. Katanya, bagi tempoh enam bulan hingga setahun daripada sekarang, beliau yakin Johor boleh menjadi pengeluar makanan terbesar negara sekali gus Bio Desaru bakal menyumbang produk makanan organik bermutu tinggi yang boleh dipasarkan dalam negeri serta di eksport.

"Kaedah pertanian dan persaingan sekarang berasaskan kepada pengeluaran yang terbaik, dan kaedah yang terbaik kini pertanian organik. Untuk itu, kita sudah berada pada landasan terbaik untuk bersaing ke peringkat antarabangsa. "Bagi kawasan Bio Desaru, untuk tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, kita menjangkakan kemajuan dan pembangunan yang lebih pesat akan

berlaku di kawasan ini, termasuk apabila siapnya Lebuhraya Senai-Desaru Jun tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Bio Desaru dan Prapelancaran Bio Johor 2009 di tapak Bio Desaru, Kilometer 20 Jalan Desaru-Sedili dekat sini. Hadir sama, Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman Said dan Ketua Pegawai Eksekutif J-Biotech, Datuk Abdul Karim Hassan. Dalam majlis itu, sembilan syarikat biotek tempatan menandatangani perjanjian usaha sama sebagai pengusaha di Bio Desaru.

24/11/2008 (Isnin)

Selatan: Bekas kuarters askar terbiar lebih 12 tahun

JOHOR BAHRU: Kira-kira 10 kediaman di Jalan Kelabu 1, Taman Pelangi, yang sebelum ini disewa sebagai kuarters anggota tentera, di sini, kini dikhawatiri memberi ruang kepada masalah tidak diingini berikutan sudah terbiar tidak berpenghuni sejak lebih 12 tahun lalu.

Tinjauan Berita Harian mendapati rumah terbiar itu berpotensi menjadi sarang binatang berbisa seperti ular sekali gus membahayakan keluarga yang masih tinggal sekitar kawasan itu. Malah, rumah yang dipenuhi semak samun sehingga atap rumah menjadi tempat pembiakan haiwan seperti biawak itu dikatakan pernah menjadi tempat penagih dadah melepaskan gian.

Selain suasana kawasan yang merimaskan, penghuni sering berdepan rasa malu apabila saudara yang berkunjung bertanya mengenai keadaan rumah tidak terjaga itu kerana ia mencacatkan pemandangan taman berkenaan.

Seorang penduduk, Hussein Abdul Hamid, 55, berkata sejak lebih dua tahun lalu, pihaknya sudah memaklumkan keadaan rumah terbiar itu kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) kerana kluatir keadaan itu mengundang masalah serius namun, tiada sebarang tindakan diambil sehingga kini. "Sebelum ini, sebahagian rumah di sini menjadi kuarters bagi askar tetapi sejak lebih 12 tahun lalu, mereka berpindah ke kawasan lain menyebabkan kediaman ini terbiar tanpa penyewa lain sehingga ini. "Saya tidak menyalahkan MBJB dalam hal ini, namun pihak berkenaan seharusnya berusaha mengesan pemilik kediaman bagi mengelakkan situasi mencacatkan pemandangan ini berterusan atau sekurang-kurangnya membersihkan kawasan rumah terbabit," katanya.

Suri rumah, Kalsom Abdul Manaf, 40, berkata rumah terbiar itu dipenuhi semak samun sehingga menimbulkan keimbangan penduduk di kawasan berkenaan kerana ia menjadi habitat haiwan berbisa. Katanya, pemilik rumah itu atau MBJB seharusnya bertanggungjawab membersihkan rumah berkenaan kerana ia mengganggu jiran berhampiran. Malah sebelum ini, beliau mengakui pernah terlihat dua ekor biawak berada dalam rumah kediaman dipenuhi semak dan sampah sarap akibat tidak dijaga, sekali gus dipercayai mengalami banyak kerosakan menyebabkan tiada sesiapa yang ingin menyewanya.

24/11/2008 (Isnin)

Sabah Sarawak: Jalan Sapulut-Kalabakan diturap

Oleh Mohd Azrone Sarabatin azrone@bharian.com.my

KOTA KINABALU: Kementerian Kerjaraya akan memberi pertimbangan untuk melaksanakan projek menurap laluan Sapulut-Kalabakan sejauh 150 kilometer (km) bernilai RM100 juta menerusi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Ketika ini, jalan yang menghubungkan Sapulut, Pensiangan dengan Kalabakan Tawau itu adalah jalan batu kerikil yang hanya boleh dilalui pacuan empat roda pada musim tengkujuh.

Menteri Kerjaraya, Datuk Mohd Zin Mohamed, berkata laluan itu adalah perhubungan utama penduduk pedalaman terutama di Keningau, Tenom dan Pensiangan ke bandar Tawau untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Katanya, ada permintaan daripada kerajaan negeri untuk menaik taraf jalan berkenaan dengan mengambil kira kepentingan rakyat di pedalaman. "Projek itu turut memanfaatkan nelayan di Tawau dan Semporna kerana mereka lebih mudah memasarkan hasil laut ke Keningau, Tenom, Pensiangan dan Tambunan yang sukar mendapatkan bekalan bahan makanan berkenaan.

"Kementerian saya sedia mempertimbangkan permohonan mengaspal jalan Sapulut-Kalabakan," katanya pada sidang media selepas mendengar taklimat pembangunan jalan raya di Sabah di sini, kelmarin. Hadir sama Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Datuk Japlin Akim.

Mohd Zin berkata, kementeriannya juga akan mengkaji projek menaik taraf jalan sepanjang 70km menghubungkan persimpangan jalan pekan Tongod ke Pinangah di tengah Sabah yang sukar dilalui kerana berlubang besar dan becak sehingga perjalanan mengambil masa hingga empat jam. Katanya, beliau akan mengarahkan Jabatan Kerja Raya () untuk mengkaji status jalan berkenaan bagi menentukan sama ada ia adalah jalan negeri atau jalan balak, sebelum ditukar status kepada jalan Persekutuan untuk memudahkan projek naik taraf.

Masalah jalan berkenaan didebakkan Berita Harian pada Jun lalu, hasil tinjauan ke kawasan berkenaan termasuk menyertai rombongan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Muhammad Muhd Taib. Dalam pada itu, Mohd Zin berkata, kementeriannya memperuntukkan RM210.3 juta untuk projek menaik taraf tiga jalan di Pensiangan meliputi jalan Sapulut-Salung sebanyak RM44 juta, jalan Ansip Dalit (RM55.3 juta) dan jalan Sinua (RM111 juta). "Dalam RMK-11 pula kementerian saya menaiktaraf jalan Pegalungan-Pensiangan bernilai RM90 juta," katanya.

24/11/2008 (Isnin)

Timur: Usah jual tanah anugerah untuk kaut keuntungan

Oleh Suhaidi Mohamed Amin bhkt@bharian.com.my

KEMAMAN: Kerajaan negeri mengingatkan penduduk negeri ini supaya tidak menyalahgunakan tanah tapak rumah yang dianugerahkan kerajaan dengan menjual atau mencagarkannya kepada pihak lain untuk tujuan tertentu termasuk mengaut keuntungan mudah. Menteri Besar, Datuk Ahmad Said, berkata sekiranya tanah tersebut digadaikan atau dijual kepada pihak lain, kerajaan tidak teragak-agak untuk bertindak tegas dengan menyenarai hitam nama mereka untuk permohonan tanah lain termasuk untuk tanah pertanian.

"Perbuatan itu ternyata akan merugikan mereka sendiri dan kerajaan tidak akan memberi tanah lain untuk didiami selepas itu walaupun mereka mengemukakan permohonan rayuan mendapatkan tanah lain. "Dulu sudah ada berlaku kes jual tanah selepas penduduk mendapat geran. Ada antara mereka menjualnya kepada orang luar, tetapi apabila sudah tiada tempat tinggal, mereka akan datang merayu tanah lain," katanya pada sidang media selepas majlis Penyampaian Surat Hak Milik Tanah Berkelompok (RTB) Kampung Batu Putih, Kerteh, di sini, semalam.

Pada majlis itu, seramai 99 penduduk menerima geran tanah terbabit. Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kemasek, Rosli Othman dan Pegawai Daerah Kemaman, Mohamad Nor Ibrahim. Ahmad berkata, syarat permohonan tanah tidak perlu diperketatkan kerana ia termaktub dalam Kanun Tanah Negara dan kerajaan akan terus mengadakan program pembahagian surat hak milik tanah seperti itu kepada penduduk yang layak. Katanya, penduduk luar Terengganu mempunyai syarat ketat dalam permohonan dan pemilikan tanah anugerah serta tertakluk kepada Kanun Tanah Negara di mana mereka perlu mempunyai sijil kerakyatan negeri ini dan permohonan mestilah bermastautin.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan memastikan setiap penduduk negeri ini yang layak mempunyai tapak rumah, termasuk mereka yang sudah diberikan rumah di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) serta Program Perumahan Rakyat (PPR) dan lot pertanian. "Tetapi, sekiranya penduduk itu sudah mampu membeli lot rumah atau pertanian, kerajaan tidak akan mempertimbangkan lagi untuk mereka mendapat tanah secara bantuan ini. Bagaimanapun, setiap individu hanya layak menerima satu lot seorang untuk membina rumah," katanya.

Ahmad berkata, tanah yang diberikan kerajaan itu berukuran kira-kira 6,000 kaki persegi dan sangat sesuai untuk tapak rumah serta penduduk yang layak hanya perlu membayar 10 peratus iaitu sebanyak RM2,400 daripada harga sebenar tanah RM24,000 yang ditetapkan bagi setiap lot.

24/11/2008 (Isnin)

Timur: Taman industri plastik terima pelaburan awal RM250j

KUALA TERENGGANU: Taman industri plastik pertama negara, Taman Plastik Kertih (KPP) yang akan disempurnakan pelancarannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, 2 Disember ini, sudah menerima pelaburan awal sebanyak RM250 juta melalui tiga syarikat berdasarkan plastik tempatan. Taman itu dijangka bakal menarik lebih ramai pelabur termasuk dari luar negara untuk melabur di kawasan berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Said, berkata selain pelaburan membabitkan syarikat dalam negara, kerajaan negeri juga sudah mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat yang berpangkalan di Australia, iaitu Crystal Flex Sdn Bhd untuk mewujudkan kawasan pengeluaran produk pembungkusan berdasarkan plastik di KPP dengan pelaburan dianggarkan mencecah ratusan juta ringgit.

"Apa yang diharapkan perasmian KPP ini nanti akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dua daerah iaitu Dungun dan Kemaman yang akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan melalui pelaburan yang dibuat," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Wisma Darul Iman, di sini semalam.

KPP dibangunkan di kawasan seluas kira-kira 140 hektar yang dikenali sebagai Lot Q dan menjadi satu daripada projek utama pembangunan di bawah Wilayah ekonomi Pantai Timur (ECER). Tiga syarikat Malaysia yang terbabit melabur kira-kira RM250 juta dalam industri berdasarkan plastik di KPP membabitkan kawasan seluas 16.93 hektar di Lot Q itu adalah Hi Essence Cable Sdn Bhd (RM85 juta), FMP Polypipes Industries Sdn Bhd (RM125 juta) dan Latenfield Pipes Industries Sdn Bhd dengan pelaburan sebanyak RM40 juta.

Ahmad berkata, industri berdasarkan plastik ini akan menjadi nilai tambah terhadap perkembangan perindustrian berdasarkan petrokimia sedia ada dan melaluinya kerajaan turut mendapat faedah melalui cukai tahunan langsung selain menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu.

"Ia sebagaimana ketetapan yang disyaratkan kerajaan negeri iaitu 60 peratus pekerja yang akan diambil mestilah dari kalangan pekerja tempatan. "Apabila rakyat mendapat peluang untuk bekerja di sektor ini ia sedikit sebanyak akan membantu mereka meningkatkan ekonomi mereka," katanya.

KPP dijangka mampu menyediakan lebih 2,000 peluang pekerjaan di ECER dan dijangka mampu menjadi penggalak kepada industri berdasarkan petrokimia kerana kemudahan sumber terhadap bahan itu yang mudah disalurkan melalui Kompleks Industri Petroleum Petronas yang terletak berhampiran.

24/11/2008 (Isnin)

Ekonomi - Industri pembinaan dijangka kembali pulih

SELEPAS berdepan beberapa masalah seperti peningkatan kos dan kekurangan projek, industri pembinaan dijangka kembali pulih apabila pakej rangsangan ekonomi RM7 bilion yang diumumkan kerajaan awal bulan ini dimulakan pada suku pertama tahun depan.

Penganalisis di ECM Libra, Dr Lai Mun Chow, berkata daripada jumlah dana dalam pakej itu, kira-kira RM4.1 bilion bakal disuntikkan ke dalam beberapa projek pembangunan perumahan dan infrastruktur negara. Peruntukan itu, katanya, dijangkakan memanfaatkan kontraktor kecil kerana ia bakal menyelesaikan masalah kekurangan projek dalam sektor pembinaan ketika ini.

"Pakej rangsangan itu bakal memberi manfaat yang besar kepada kumpulan ini (kontraktor kecil) kerana mereka ketika ini tergolong dalam kumpulan yang dihimpit teruk oleh kekurangan projek, berbanding kontraktor besar yang terus menerus meraih manfaat daripada projek luar negara," katanya.

Lai berkata, sebilangan daripada prospek kerja pembangunan perumahan dan infrastruktur daripada pakej itu juga dijangka bakal diraih kontraktor bersaiz sederhana. Beliau juga menegaskan, walaupun banyak daripada projek berkenaan bakal diraih kontraktor kecil dan sederhana, projek yang rumit dan kompleks seperti pembinaan sistem transit aliran ringan (LRT) akan memberikan manfaat kepada kontraktor besar. Daripada RM4.1 bilion itu, RM1.2 bilion diperuntukkan bagi membina 25,000 rumah kos rendah dan sederhana.

Di samping itu, RM500 juta diperuntukkan bagi menaik taraf, membaik pulih dan menyelenggara balai dan kuarters polis serta kem dan kuarters tentera, RM600 juta untuk projek kecil menerusi program penyelenggaraan infrastruktur awam dan infrastruktur asas dan RM500 juta bagi menyelenggara dan membaik pulih kemudahan awam, termasuk sekolah, hospital dan jalan raya.

Sementara itu, RM500 juta lagi digunakan untuk membina dan menaik taraf jalan di luar bandar, kampung dan jalan pertanian, termasuk di Sabah dan Sarawak manakala RM500 juta bagi menyelenggara dan memantapkan lagi sistem pengangkutan awam, khususnya sistem LRT, Komuter dan sistem bas di bandar utama.

Lai berkata, pemansuhan duti import simen dan keluaran besi keluli panjang untuk sektor pembinaan dan pembuatan turut dijangkakan memberikan manfaat bagi mencergaskan kembali industri pembinaan negara.

24/11/2008 (Isnin)

Rencana - Penjagaan bersepadu Hutan Belum dirangka

Oleh Azrul Affandi Sobry azr@bharian.com.my



Peserta bengkel fokus mendengar pembentangan kertas kerja.

Yayasan Pulau Banding pastikan keindahan alam semula jadi terus dipulihara

PULAU Banding adalah pulau buatan manusia yang terletak di Tasik Temengor dan menjadi pintu masuk utama ke kompleks Hutan Belum-Temengor yang berusia 130 juta tahun, merangkumi Taman Negeri Royal Belum (117,500 hektar), Hutan Simpan Grik (34,995 hektar) dan Hutan Simpan Temengor (147,505 hektar).

Kompleks Hutan Belum-Temengor dengan keluasan hampir empat kali ganda saiz Singapura, kaya dengan kepelbagaiannya flora dan fauna termasuk spesies yang sukar diperoleh di tempat lain seperti bunga terbesar di dunia, Rafflesia; halia dan orkid liar; pelbagai spesies kayu balak seperti meranti, cengal, keruing dan merbau; serta menjadi kawasan popular yang dikunjungi hidupan liar seperti badak sumbu Sumatera, beruang matahari, harimau, tapir dan banyak lagi.

Tak cukup dengan itu, Kompleks Hutan Belum-Temengor juga menjadi satu-satunya lokasi di negara ini yang dihuni oleh semua 10 spesies burung enggang yang ada di Malaysia. Melihat kepada semua fakta itu, pastinya Pulau Banding menjadi lokasi yang mendapat tumpuan banyak pihak, sama ada untuk tujuan pembangunan dan penyelidikan (R&D); pelancongan; eksploitasi sumber alam sekitar sama ada untuk tujuan yang elok atau sebaliknya; dan yang paling mengancam sumber hutan ialah aktiviti pembalakan secara haram.

Luas keseluruhan kawasan hutan itu sebanyak 300,000 hektar turut menjadi lokasi penempatan utama kebanyakan perkampungan Orang Asli sama ada yang masih mengekalkan cara hidup secara primitif dan ada antaranya yang sudah bertapak lebih moden mengamalkan cara hidup secara lebih tersusun.



Pemandangan di sekitar Hutan Belum-Temengor.

Namun, sejak puluhan tahun, kawasan hutan itu diuruskan secara berasingan oleh pelbagai agensi bertanggungjawab termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mempunyai kepentingan ke atas Tasik Banding bagi menjana sumber terhadap pengurusan Stesen Hidroelektrik di Temengor.

Pelbagai agensi lain sama ada kerajaan atau swasta pula menggunakan pelan pengurusan masing-masing seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (Perhutanan), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan pelbagai lagi agensi lain yang terbabit secara langsung dan tidak langsung.

Justeru, melihat kepada betapa pentingnya pengurusan Pulau Banding dilaksanakan secara bersepadu dan mendapat kerjasama sepakat daripada semua agensi terbabit, Yayasan Pulau Banding di bawah tajaan Kumpulan Emkay menganjurkan satu bengkel khas bagi merangka dan membuat resolusi terhadap pewujudan Pelan Pengurusan Bersepadu Hutan Belum-Temengor yang diadakan pada 17 dan 18 November lalu.

Melihat kepada komitmen dan kesungguhan semua pembentang kertas kerja dan peserta bengkel dalam merealisasikan pelaksanaan pelan itu, tidak mustahil dalam masa terdekat pelan yang bakal merencanakan pengurusan lebih efisien terhadap penjagaan alam semula jadi di Pulau Banding akan menjadi kenyataan.



Pusat Penyelidikan Pulau Banding yang bernilai RM2 juta tajaan Yayasan Pulau Banding.

Seramai hampir 100 peserta hadir bagi membincangkan tiga kertas utama yang dibentangkan oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) yang diwakili Pengarah Eksekutifnya, Dr Loh Chi Leong; Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF-Malaysia) diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Dino Sharma; dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang diwakili

Timbalan Ketua Pengarahnya, Dr A Rahim Nik. Sementara beberapa kertas kerja lain juga turut dibentangkan membabitkan pelbagai agensi termasuk JHEOA, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perhutanan, Perhilitan dan TNB.

Daripada senarai pembentang kertas kerja dan peserta yang hadir menggambarkan pelaksanaan Pelan Pengurusan Bersepadu Hutan Belum-Temengor sudah mencapai satu fasa yang hampir untuk direalisasikan, cuma menunggu lampu hijau daripada pihak berwajib termasuk kerajaan Perak dan beberapa agensi lain. Yayasan Pulau Banding sudah menunjukkan komitmennya dalam memulihara alam sekitar serta menjadikan Hutan Belum-Temengor sebagai satu khazanah negara yang bakal memberi impak terhadap banyak aspek termasuk ekopelancongan, penyelidikan dan pembangunan, bank genetik, warisan kebudayaan dan pelbagai lagi. Sebagai bukti paling nyata ialah yayasan itu mendirikan satu pusat penyelidikan Hutan Belum yang akan berfungsi sebagai stesen operasi kepada sesiapa saja saintis daripada mana-mana agensi untuk menjalankan kajian dengan kemudahan peralatan makmal yang asas.

Turut menjalankan kajian di situ ketika ini ialah beberapa penyelidik daripada USM yang sedang mengkaji kaedah paling berkesan membiakkan ikan kelah selain memastikannya mampu hidup apabila dilepaskan di kolam penternakan ikan kelah di Sungai Enam. Ia menjadi usaha berterusan yang digerakkan Yayasan Pulau Banding dalam mengekalkan alam semula jadi bagi menarik perhatian lebih ramai pelancong melawat ke kawasan hutan simpan kekal kedua terbesar di Malaysia.

Ketika wartawan berbual dengan Pengerusi Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, satu kenyataannya cukup menarik untuk dikongsi bersama - "Jika kebanyakan negara berbangga menunjukkan tinggalan sejarahnya seperti bangunan yang sudah runtuh dan tak ada nilai lagi, kenapa tidak kita di Malaysia berbangga untuk menunjukkan alam semula jadi yang kekal dipulihara dengan pelbagai hidupan yang masih tinggi nilainya."

Nyata sekali usahawan berjaya itu membuktikan usaha memulihara keindahan Pulau Banding dan mengekalkan hidupan semula jadi menjadi visi utamanya termasuk memberikan peluang kerjaya serta pendidikan kepada penduduk asal Pulau Banding iaitu kelompok Orang Asli. Pembukaan beberapa perpustakaan mainan di tiga perkampungan Orang Asli berjaya menjadi asas pembentukan minda bestari di kalangan anak Orang Asli yang selama ini jauh ketinggalan dalam aspek pendidikan. Melawat ke sebuah perpustakaan mainan itu di Kampung Sungai Tiang menceritakan kejayaan Kumpulan Emkay dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan dalam masa yang sama mempertingkatkan taraf hidup semua masyarakat di Pulau Banding.

Bayangkan, kanak-kanak seperti Zila yang baru berusia dua tahun sudah pandai menyebut ABC dan menghitung satu hingga 10, di samping boleh melakar wajah keluarganya (meskipun tidak secantik mana) sudah dikira amat menakjubkan kerana ia dilakukan oleh kanak-kanak kecil yang tinggal jauh (dua jam perjalanan menaiki bot) di tengah pulau. Menjelajah ke beberapa projek pembinaan pusat peranginan dalam perkampungan Orang Asli dengan mengekalkan ciri-ciri asal kehidupan Orang Asli turut menjadi bukti bahawa Yayasan Pulau Banding tidak menoleh ke belakang dalam memberikan kehidupan yang lebih sempurna termasuk peluang kerjaya kepada

masyarakat di situ. Justeru, dengan deklarasi Pelan Pengurusan Bersepadu Hutan Belum-Temengor yang bakal diserahkan kepada kerajaan Perak dengan harapan diberi pertimbangan supaya ia dijadikan rujukan bagi syarikat dan organisasi yang ingin terbabit dalam pelbagai aktiviti di pulau itu mendapat perhatian yang sewajarnya untuk dilaksanakan.

Tidak ada alasan lagi mengapa pelan ini perlu dihalang atau ditolak kerana jika semua pihak sibuk memperkatakan tanggungjawab sosial dalam memulihara alam semula jadi, inilah masa yang tepat semua pihak berpadu tenaga dan idea menguruskan Pulau Banding secara bersepadu.

MB sokong pelan pengurusan khazanah alam

KERAJAAN Perak bersetuju untuk melaksanakan Pelan Pengurusan Bersepadu Hutan Belum-Temengor selaras dengan hasrat kerajaan negeri itu untuk memulihara alam sekitar dan memastikan khazanah alam semula jadi dapat dikekalkan untuk kebaikan semua pihak.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata kerajaan negeri akan memastikan pelan itu dilaksanakan di bawah pelarasan dan pemantauan Exco pelancongan selepas semua butiran dalam deklarasi yang dibentangkan kepadanya nanti diperhalusi sepenuhnya.

Beliau yang dihubungi Berita Harian sejurus Bengkel Pelan Pengurusan Hutan Belum-Temengor tamat pada 18 November lalu, berkata tidak ada sebab mengapa beliau mahu menolak apa saja pelan yang membawa kebaikan terhadap penjagaan alam semula jadi kerana sudah menjadi polisi kerajaan negeri untuk menyokong usaha mengekalkan khazanah hutan termasuk di Pulau Banding. "Setakat ini saya belum menerima deklarasi itu. Namun, berdasarkan maklumat yang saya terima, saya memberi jaminan untuk memastikan pelan itu akan dilaksanakan secara bersepadu. Tak ada masalah bagi saya mengumpulkan semua agensi terbabit untuk membincangkan pelaksanaan pelan itu. "Apa yang boleh saya katakan ialah pelan pengurusan bersepadu itu selaras dengan hasrat kerajaan negeri mempertahankan khazanah alam semula jadi. Atas sebab itu, kami akan sokong dan berusaha melaksanakannya secara berkesan," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Suboh Mohd Yasin, berkata kementerian itu akan berbincang dengan pihak Berkusa Pelaksana Koridor Utara (NCIA), agensi pelaksana Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) untuk menyuntik bantuan dalam kebanyakan projek yang akan dilaksanakan di Pulau Banding.

"Pulau Banding berada di dalam kawasan NCER. Saya yakin ada peluang untuk kita mendapatkan bantuan mereka bagi merealisasikan pelbagai projek di sini. Kementerian akan berbincang dengan NCER selepas ini. "Kementerian juga akan melihat sebarang kemungkinan memperuntukkan dana untuk projek di sini. Buat masa ini belum masanya saya mengumumkan apa-apa kerana belum ada peruntukan khusus untuk projek di sini. Kita tunggu apa yang akan diputuskan kementerian selepas ini. "Bagaimanapun, kementerian amat menyokong dan

menggalakkan usaha semua agensi untuk mewujudkan Pelan Pengurusan Bersepadu Hutan Belum-Temengor. Diharap tidak ada sebarang halangan dalam pelaksanaan pelan itu nanti dan mendapat kerjasama daripada kerajaan Perak," katanya pada sidang media selepas perasmian bengkel itu.

Melihat kepada komitmen dan kesepakatan yang dibuat oleh dua pihak yang mewakili Kerajaan Pusat dan negeri itu memberi sinar harapan yang cerah kepada pelaksanaan pelan pengurusan bersepadu itu untuk direalisasikan dalam masa terdekat. Pastinya ia akan memberi impak positif terhadap semua sektor termasuk mampu menjana ekonomi dalam bidang eko-pelancongan di samping pengeluaran produk hutan yang sukar cukup bernilai selain membantu menangani isu kepanasan global yang semakin menjadi kerisauan seluruh penduduk dunia.

24/11/2008 (Isnin)

BPA banyak terima aduan kelewatan

KUCHING: Lebih 42 peratus daripada aduan yang diterima Biro Pengaduan Awam (BPA) adalah membabitkan kelewatan kakitangan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam menguruskan hal berkaitan rakyat. Timbalan Ketua Pengarah BPA, Mohd Zin Musa, berkata bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, lebih 6,600 aduan diterima pihaknya di seluruh negara membabitkan pelbagai isu termasuk penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Namun jumlah yang paling banyak adalah membabitkan isu kelewatan yang terpaksa dihadapi orang ramai ketika berurusan dengan jabatan kerajaan yang banyak berurusan dengan masyarakat. "Dari jumlah aduan berkenaan, BPA berjaya menyelesaikan 39.4 peratus dengan kita akan berusaha meningkatkan peratus penyelesaian ini sebelum penghujung tahun ini," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu di sini, semalam. Pada majlis semalam, agensi kerajaan seperti polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais serta Pejabat Kesihatan Negeri menyertai program yang bertujuan memudahkan orang ramai membuat aduan secara terus.

24/11/2008 (Isnin)

Selangor terus bincang beli Syabas

CYBERJAYA: Kerajaan Selangor masih berbincang dengan semua pihak terbabit berhubung hasrat membeli Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) daripada syarikat induknya, Puncak Niaga Sdn Bhd (Puncak Niaga). Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata perbincangan itu bagi mendapatkan persetujuan sebelum perjanjian ditandatangani

untuk membolehkan industri air di Selangor dikendalikan oleh satu entiti di bawah kerajaan negeri.

"Belum ada perkembangan lanjut kerana masih mengadakan perbincangan dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan pemegang lesen proses air, seajar hasrat Kerajaan Persekutuan menyusun semula industri air di Selangor di bawah satu entiti dan dikelolakan kerajaan negeri," katanya selepas merasmikan Pertandingan Mental Arithmetic anjuran Universal Concept Mental Arithmetic System di Universiti Multimedia di sini, semalam.

25/11/2008 (Rabu)

Timur: Geran pulih koperasi tidak aktif

Oleh Wan Kemat bhnews@bharian.com.my



SAIFUDDIN (kiri) menyampaikan replika kunci kedai Koperasi Felda Lakum kepada Rahman Ahmad.

TEMERLOH: Kerajaan sedia membantu menyalurkan geran pembangunan pemulihan kepada koperasi yang tidak aktif bertujuan membantu mengembangkan kegiatan ekonomi masyarakat luar bandar. Timbalan Menteri pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata koperasi yang tidak aktif boleh memohon geran pembangunan berjumlah RM30,000 untuk memulakan kegiatan koperasi mereka. "Pihaknya menerima banyak permohonan daripada koperasi yang tidak aktif untuk menjalankan semula kegiatan ekonomi mereka memandangkan koperasi menyediakan peluang terbaik untuk membuat pelaburan. "Kerajaan sedia menimbang pemberian geran pembangunan dengan syarat koperasi berkenaan memohon dan menyertakan pelan perniagaan mereka. "Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan membuat pemantauan dan menimbangkan jumlah pembiayaan yang perlu diberikan kepada koperasi yang memohon untuk tujuan memulakan kegiatan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Perasmian Penyerahan Kunci Kedai Koperasi Felda Lakum Berhad, kepada penyewa yang berminat menjalankan perniagaan di Felda Lakum, dekat sini, semalam. Beliau berkata, pihaknya meluluskan RM30,000 kepada koperasi Felda Lakum bagi tujuan mengembangkan kegiatan perniagaan berikutnya kejatuhan

harga komoditi 10 tahun lalu. Katanya, geran pembiayaan pembangunan yang disalurkan itu dapat memberi peluang kepada koperasi menjalankan kegiatan perniagaan selaras dengan matlamat kerajaan untuk menerapkan budaya berniaga kalangan masyarakat luar bandar. Beliau yang juga Ahli Parlimen Temerloh berkata, ahli koperasi perlulah menggunakan sumber yang ada di kawasan mereka untuk menjalankan kegiatan perniagaan bagi mengelakkan kesukaran mendapatkan bahan mentah. "Misalnya, ahli koperasi boleh mengeluarkan bahan makanan berdasarkan ubi kayu atau sebagainya jika tanaman itu mudah didapati di kawasan mereka," katanya.

25/11/2008 (Selasa)

Sentral: Nelayan dakwa elaun diseleweng

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail nazuri@bharian.com.my

KLANG: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani digesa mengkaji semula pemberian elaun sara hidup sebanyak RM200 sebulan kepada nelayan di Selangor kerana didakwa berlaku banyak penyelewengan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sementa, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata beliau mengesan beberapa kes nelayan yang dikategorikan miskin tidak tersenarai sebagai penerima elaun kerana perbezaan fahaman politik. "Nelayan ini marah kerana elaun yang sepatutnya mereka terima diberi kepada orang lain seperti tauke sedangkan nelayan yang susah ini lebih memerlukan bantuan. "Saya berharap kementerian dapat turun padang dan lihat keadaan sebenar penerima elaun ini. "Kita tidak mahu yang senang terus hidup mewah mendapat elaun yang terus dimasukkan ke akaun bank sedangkan nelayan yang miskin terus ditindas," katanya.

Abdul Rahman berkata, pemimpin masyarakat sepatutnya dijadikan sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat tepat mengenai latar belakang nelayan supaya penyelewengan elaun dapat dihentikan.

Beliau berkata, pegawai kementerian sepatutnya merujuk kepada Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) untuk mendapatkan nama nelayan miskin bukannya Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) yang dilantik kerajaan negeri. "Saya mendapat maklumat apabila senarai nama nelayan yang diberikan oleh JKKK, hanya nelayan yang menyokong Pakatan Rakyat saja terpilih. "Kita tidak mahu pemberian elaun oleh Kerajaan Persekutuan bertujuan membantu nelayan miskin tanpa mengira pegangan politik diseleweng disebabkan tindakan pihak tertentu," katanya.

26/11/2008 (Rabu)

Utara: Wang MPSP RM225j tidak hilang

Oleh Norakmah Mat Youb norakmah@bharian.com.my

GEORGETOWN: Baki Kumpulan Wang Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) sebanyak RM225 juta yang didakwa hilang oleh kerajaan Pakatan Rakyat sebenarnya sudah digunakan untuk pelbagai projek pembangunan di negeri ini.

Bekas Penggerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas, Penerangan dan Perhubungan Masyarakat negeri, Datuk Dr Teng Hock Nan, berkata wang berkenaan digunakan sebaiknya dan bukannya dibazirkan seperti didakwa.

"Tuduhan Ketua Menteri, Lim Guan Eng itu tidak berasas sekali gus memburukkan reputasi saya dan kerajaan Barisan Nasional (BN). Wang itu digunakan untuk pembangunan sama ada projek mega atau kecil," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media menjelaskan dakwaan Ketua Menteri yang menuduh BN menyebabkan kehilangan wang MPSP sehingga hampir bankrap.

Pada Isnin lalu pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Guan Eng melaporkan kedudukan kewangan MPSP membimbangkan kerana baki Kumpulan Wang majlis mengalami penyusutan drastik kepada RM6.45 juta tahun ini berbanding RM225.02 juta 2000. Justeru, kerajaan negeri mahu Hock Nan yang bertanggungjawab terhadap MPSP memberi penjelasan mengenai isu itu.

Hock Nan berkata, selain pembangunan, wang berkenaan turut digunakan untuk menganjurkan pelbagai program komuniti di kawasan DUN seperti kempen kebersihan, program pencegahan pembiakan nyamuk dan menaik taraf longkang. "Wang yang berjumlah RM225 juta tidak hilang seperti didakwa Pakatan Rakyat. Itu juga bukan permainan silap mata David Cooperfield, sebaliknya ia digunakan untuk tujuan baik," katanya. Sehubungan itu, beliau menyeru Ketua Menteri supaya berhenti daripada membuat kenyataan tidak bertanggungjawab dan terus menuduh kerajaan BN.

Mengulas lanjut, beliau berkata, antara projek mega yang dilaksanakan menggunakan wang itu dan sudah siap ialah pembinaan dua pasar masing-masing di Kepala Batas dan Bukit Mertajam, dewan serbaguna di Butterworth dan kompleks sukan di Kepala Batas. Selain itu, katanya, wang itu digunakan bagi pembelian tanah untuk tujuan pembangunan infrastruktur dan pembinaan tapak pelupusan sampah di Pulau burung ekoran penutupan tapak pembuangan sampah di Ampang Jajar. "Saya perlu membuat kenyataan mengenai perkara ini supaya rakyat Pulau Pinang tidak terus diperdaya," katanya.

26/11/2008 (Rabu)

Utara: Ketua kampung tiada kuasa kutip 'yuran' teroka

IPOH: Kerajaan negeri tidak pernah memberi kuasa kepada ketua kampung untuk mengutip 'yuran' bagi penerokaan tanah kerajaan secara haram di Perak.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata permohonan untuk meneroka tanah mesti dirujuk kepada Jawatankuasa Tanah di setiap daerah untuk kebenaran. Katanya, orang ramai boleh memohon untuk mengusahakan tanah sama ada untuk tujuan pertanian atau program lain dan kerajaan akan mempertimbang untuk memberi kelulusan.

"Tidak benar tuduhan mengatakan parti politik Pakatan Rakyat menggalakkan orang ramai membuka tanah kerana kita tidak membenarkan penerokaan tanah kerajaan secara haram. "Bahkan, tanah yang baru dibuka secara haram, kita mengarahkan supaya dihentikan... rakyat boleh memohon dan kita akan memberi kelulusan secara sementara. "Tetapi, ketua kampung tidak ada hak untuk memberi kebenaran membuka tanah dan menerima bayaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pencegahan Rasuah Melalui Kawalan Sistem di sini, semalam. Hadir sama, Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Perak, Bahri Mat Zin.

Mohammad Nizar berkata, kerajaan negeri kini sedang mengenal pasti status tanah untuk kira-kira 6,000 kolam ternakan udang yang diusahakan di Manjung. Katanya, jika tanah itu termasuk dalam rizab jalan, sungai atau hutan simpan, mereka akan diminta berpindah ke lokasi baru. Beliau berkata, ada pengusaha kolam udang yang sudah bergiat dalam industri itu 20 hingga 30 tahun dan mereka mungkin mendapat kelulusan untuk meneruskan perniagaan masing-masing.

27/11/2008 (Khamis)

Sentral: Risda martabat hasil penyelidikan saintifik

Daripada Petah Wazzan Iskandar di Jakarta wazzan@bharian.com.my

KOLEJ Risda mengorak langkah memartabatkan pendidikan pertanian secara lebih saintifik di negara dengan mengadakan menandatangani perjanjian usaha sama dengan Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia.

Pengerusi Risda, Tan Sri Rahim Tamby Chik, berkata kerjasama itu yang pertama dijalankan dengan institusi luar negara, diharap dapat membantu menangani masalah kekurangan pakar pertanian selain meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar melalui perkongsian bijak dengan IPB.

"Melalui perjanjian usaha sama ini Kolej Risda dan IPB akan berkongsi hasil penyelidikan, kerjasama akademik, pertukaran pelajar dan pensyarah serta melaksanakan penyelidikan

secara bersama termasuk meluaskan hasil kajian pertanian terutama meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan getah. "Harapan kita kedua-dua negara mendapat manfaat dengan mengkomersilkan hasil komoditi dan mengembangkan kajian di peringkat antarabangsa," katanya selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Kolej Risda dan IPB di sini, Isnin lalu.

Pada majlis itu, Kolej Risda diwakili Pengerusinya, Datuk Shahabudin Shafie, manakala IPB diwakili Rektornya, Profesor Ir Dr Herry Suhardiyanto. Hadir sama pada majlis itu Duta Besar Malaysia ke Jakarta, Datuk Zainal Abidin Mahamad Zain; Ketua Pengarah Risda, Datuk Muhammad Izat Hasan dan Ketua Eksekutif Kolej Risda, Datin Dr Faridah Hanam Mohd Rashid.

IPB ditubuhkan pada tahun 1941 dan dirasmikan Presiden Indonesia pertama, Ir Soekarno. Sejak penubuhan institusi ini, ia berkembang maju dalam bidang pertanian hingga menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pengajian terkemuka di Indonesia dengan jumlah pelajarnya mencecah 100,000 orang.

Hasil kerjasama yang dijalankan itu, ia memberi peluang kepada pelajar lepasan diploma Kolej Risda melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan juga mempelajari ilmu baru yang turut diserap dalam pembelajaran di Malaysia. Buat permulaan, dua program diploma disediakan secara bersama ialah Diploma Teknologi dan Pengurusan Ternakan dan Diploma Pengurusan Agribisnes.

28/11/2008 (Jumaat)

Timur: 14 hari bayar cukai tertunggak

KUALA TERENGGANU: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) memberi tempoh 14 hari kepada pemilik premis perniagaan dan kediaman serta badan berkanun yang culas membayar tunggakan cukai pintu sehingga tertunggak melebihi RM50 juta sejak 1985 lalu. Peringkat pertama, sebanyak 80 notis tuntutan cukai pintu atau notis 15 dikeluarkan kepada pemilik premis perniagaan dan bangunan milik badan berkanun yang mempunyai tunggakan cukai pintu melebihi RM10,000.

Datuk Bandar Kuala Terengganu, Datuk Mat Razali Kassim, berkata jika pemilik dan penguasa badan berkanun gagal menjelaskan bayaran dalam tempuh ditetapkan itu, borang F berserta dengan tindakan menyita bangunan akan dilakukan. "Berdasarkan semakan tunggakan cukai pintu, sebuah bangunan milik badan berkanun negeri yang terletak di pusat bandar mempunyai tunggakan melebihi RM2 juta, manakala seorang pemilik bangunan perniagaan pula mempunyai tunggakan berjumlah RM110,000. "Notis tuntutan cukai pintu itu bukan sahaja dikeluarkan kepada pemilik bangunan, malah kita turut menghantar notis kepada penyewa premis termasuk penyewa bangunan milik badan berkanun," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di pejabatnya, semalam.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Said semalam mendedahkan penduduk di negeri ini tidak mempunyai kesedaran untuk membayar cukai pintu sehingga tertunggak melebihi RM100 juta berbanding negeri lain terutamanya di Selangor dan Lembah Klang di mana 90 peratus menunaikan tanggungjawab membayar cukai setiap tahun.

Sebagai contoh, katanya, hanya 50 peratus penduduk di kawasan pentadbiran MBKT membayar cukai pintu menyebabkan kutipan cukai berkenaan tertunggak melebihi RM50 juta sejak 1985 lalu. "Kegagalan penduduk menjelaskan bayaran cukai pintu menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menanggung beban perbelanjaan kos majlis daerah melebihi RM100 juta setahun," katanya.

Mat Razali berkata, notis tuntutan cukai pintu rumah kediaman yang mempunyai tunggakan melebihi RM5,000 juga akan dihantar dan tindakan sama dikenakan sekiranya gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh ditetapkan.

28/11/2008 (Jumaat)

Utara: Laporan tahap pencemaran 3 kilang diragui

IPOH: Kerajaan negeri tidak berpuas hati dengan keputusan laporan tahap pencemaran tiga kilang di Menglembu dekat sini, yang mendakwa premis terbabit bebas daripada pencemaran alam sekitar dan mematuhi piawaian ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Exco Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Sumber Manusia negeri, A Sivanesan mendakwa keputusan laporan yang dibuat perunding kilang itu diragui berikutan kualiti udara yang masih tidak memuaskan di tiga taman sekitar Menglembu iaitu Taman Bukit Merah, Taman Impiana Adril dan Taman Badrishah. "Selepas meninjau ketiga-tiga taman itu, saya dapati udara di situ masih kotor dan berbau seperti yang didakwa penduduk," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sebelum ini, lebih 10,000 penduduk di tiga taman itu mendakwa masalah pencemaran bau asid, bunyi bising dan pelepasan asap hitam yang sudah berlarutan sejak tiga tahun berpunca daripada tiga kilang yang beroperasi berhampiran kawasan kediaman mereka, yang jaraknya antara 30 hingga 300 meter dari taman mereka. Empat kilang berkenaan masing-masing beroperasi menjalankan aktiviti pembuatan sarung tangan, menghasilkan bahan kimia asid 'ferric chloride' dan asid 'hidroklorik' serta sebuah lagi kilang yang menjalankan aktiviti kimpalan besi. Beberapa penduduk turut mendakwa pencemaran yang berlaku di kawasan perumahan didiami mereka menjadi bertambah serius sejak 2005 dan menjelaskan kesihatan mereka. Sivanesan berkata, menurut laporan yang diberi oleh kilang terbabit, kadar pelepasan bahan kimia yang dilakukan oleh kilang itu mengikut tahap piawaian yang ditetapkan dan tidak menjelaskan kesihatan.